



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI

MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

KARNIVAL MINGGU SAINS NEGARA 2023 PERINGKAT NEGERI SEMBILAN SOKONG USAHA MENINGKATKAN KELESTARIAN DAN PEMERKASAAN AGENDA SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (STI) NEGARA

NILAI, 27 Mei 2023 - Karnival Minggu Sains Negara 2023 Peringkat Negeri Sembilan merupakan anjuran bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dengan kerjasama Universiti Sains Islam Malaysia dan Universiti Teknologi Mara Cawangan Negeri Sembilan. Karnival telah dirasmikan oleh YB Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dan berjaya menarik lebih 1,500 penyertaan daripada komuniti setempat yang terdiri daripada pelajar sekolah, penuntut institusi pengajian tinggi serta orang awam.

Menurut YB Menteri MOSTI, “Penganjuran Karnival MSN 2023 ini antara lain adalah untuk meraikan kepelbagaian STI di Negeri Sembilan ini dan juga memberi peluang kepada penggerak dan pengamal STI tempatan untuk mengetengahkan teknologi dan inovasi. Justeru, MOSTI berpandangan bahawa karnival ini adalah platform yang amat sesuai dalam mengetengahkan dan memperkenalkan teknologi dan inovasi serta menarik minat rakyat setempat khususnya para pelajar dan belia dalam bidang teknologi”.

Pelbagai aktiviti menarik berteraskan STI disediakan sepanjang Karnival MSN 2023 yang berlangsung di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan mulai 26 Mei 2023 (Jumaat) sehingga hari ini. Antara aktiviti yang diadakan untuk para pengunjung ialah tayangan Mini Planetarium, Pencerapan Solar, *Drone Challenge*, Pertunjukan Sains Interaktif, Aktiviti Robotik, DIY Roket, Planet VR dan *Pocket Talk STI*.

Dalam ucapan YB Chang, beliau turut menekankan bahawa pelaksanaan inisiatif ini adalah selaras dengan Pelan Tindakan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021 - 2030. Pelan ini merupakan salah satu inisiatif MOSTI dalam usaha untuk menggerakkan pelaksanaan pelbagai inisiatif pembudayaan dan aktiviti kesedaran STI secara besar-besaran. Dalam mencapai hasrat ini, penganjuran MSN 2023 dilihat sebagai salah satu inisiatif yang berupaya untuk merealisasikan pembudayaan STI. Pada masa yang sama, pengisian program Minggu Sains Negara disusun bagi menarik minat pelajar sekolah rendah dan menengah untuk memilih jurusan dalam bidang berkaitan STI.

Karnival MSN 2023 Peringkat Negeri Sembilan ini merupakan penganjuran sulung dalam kalender siri Karnival MSN 2023 Peringkat Negeri di seluruh negara. Turut sama dalam penganjuran kali ini adalah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan dan Majlis Bandaraya Seremban serta agensi-agensi Persekutuan di Peringkat Negeri.

Maklumat lanjut mengenai Minggu Sains Negara boleh dilayari menerusi laman web rasmi minggusainsnegara.mosti.gov.my

#TAMAT#

Disediakan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
27 MEI 2023**